



UNTUK SIARAN SEGERA

MIDF SERAH KOMPUTER RIBA PADA PELAJAR SPM CEMERLANG

Temerloh, Pahang 25 April 2017 – Tiga murid yang menerima keputusan SPM paling cemerlang pada tahun 2016 di Temerloh telah menerima komputer riba sumbangan Malaysian Industrial Development Finance Berhad ("MIDF") setiap seorang pada hari ini.

Sumbangan komputer riba tersebut diserahkan secara rasmi kepada para penerima oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Turut menyerikan upacara ini termasuklah Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, YBhg. Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah, serta YBhg. Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad.

Pelajar-pelajar yang menerima komputer riba tersebut adalah Ng Shao Jie dari SMK Hwa Lian dengan keputusan 11A, Nur Anis Maisarah binti Mohd Nordin dari SMK Datuk Bahaman dengan keputusan 9A, dan Mohd Luqman bin Mohidin juga dengan keputusan 11A dari SBP Integrasi Temerloh. Masing-masing bercita-cita tinggi, dan berazam menggunakan keputusan SPM cemerlang mereka sebagai batu loncatan mencapai kejayaan yang lebih besar.

Ng Shao Jie akan melanjutkan pelajarannya dalam bidang kejuruteraan awam dan bercita-cita menyambung pelajaran hingga tahap ijazah Sarjana. Nur Anis Maisarah berhasrat mengejar impiannya untuk menjadi seorang doktor pakar ginekologi dan sedang menanti berita baik mengenai permohonan biasiswanya. Mohd Luqman juga menunggu kelulusan permohonannya untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan mekanikal di luar negara melalui biasiswa yang ditawarkan oleh Yayasan Tenaga Nasional.

Penyerahan komputer riba kepada pelajar-pelajar cemerlang ini merupakan antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat MIDF yang berlandaskan pendidikan. MIDF telah melaksanakan pelbagai program bagi manfaat pelajar terutamanya pelajar dari golongan asnaf dan fakir

miskin. Sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2017 ("MSAM") yang bakal berakhir pada 25 April di Temerloh, MIDF juga telah menganjurkan Klinik UPSR pada 22 dan 23 April 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, Dataran Temerloh. Seramai 200 pelajar dari lima buah sekolah di sekitar Temerloh telah menyertai Klinik UPSR tersebut.

MIDF pernah menyumbang komputer riba kepada pelajar terbaik SPM sempena MSAM di beberapa buah negeri sebelum ini antaranya di Ipoh, Perak pada tahun 2011, di Kota Kinabalu, Sabah pada tahun 2012, di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 2014 dan di Tapah, Perak pada tahun 2016.

#####

Mengenai MIDF

MIDF telah ditubuhkan lima puluh empat tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset dan Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Anita Ramly

Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan

Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8866

H/P: (019) 332 4809

E-mel: anita.ramly@midf.com.my

Laman Sesawang: www.midf.com.my